

# UTHM sasar RM2 juta kutipan Dana Wakaf Pendidikan



Wahid (kiri) menerima sumbangan wakaf daripada pihak AMGB disaksikan Mohamed Khalid.

**BATU PAHAT** - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyasarkan sebanyak RM2 juta kutipan Dana Wakaf Pendidikan sehingga penghujung tahun ini selepas dilancarkan, kelmarin.

Naib Canselor UTHM, Profesor Dr Wahid Razzaly berkata, pelancaran dana berkenaan yang disempurnakan Menteri Besar, Datuk Mohamed Khaled Nordin, adalah usaha UTHM dalam menyahut saranan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) supaya semua universiti awam dapat mempelbagaikan sumber penjanaan masing-masing bagi menampung keperluan.

Menurutnya, UTHM telah mendapat status Nazir Khas daripada Majlis Agama Islam Johor (Maij) dan dana itu dilaksanakan berlandaskan wakaf am melalui sumbangan berbentuk tunai dan harta.

"UTHM menggalas tanggungjawab tersebut dengan menyediakan alternatif dan platform kepada seluruh warga universiti ini juga masyarakat untuk melakukan ibadah wakaf yang akan dikumpulkan serta dilabur dalam instrumen patuh syariah."

"Manakala faedah dan keuntungan hasil pelaburan ini akan diagihkan kepada penerima (Mawqif Alaih) yang layak dalam bentuk biasiswa, bantuan kewangan serta kemudahan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan," katanya.

Beliau berkata, antara penyumbang awal dana berkenaan ialah Azemi Mahat Group Berhad (AMGB) yang menyumbang RM50,000, Bank Muamalat Malaysia Berhad (RM100,000) dan Celcom Axiata Berhad (RM50,000).

Celcom turut menyumbang un-

tuk pelajar asnaf melalui Program Khas Bantuan Sabil al-Hikmah, selain menyumbang Kiosk XPAX bernilai RM20,000 untuk pembangunan aktiviti keusahawanan pelajar.

Wahid berkata, selain sumbangan terus ke tabung yang disediakan, pihak UTHM turut memperkenalkan skim potongan gaji bulanan staf, pembayaran di kaunter Pejabat Bendahari UTHM dan sumbangan secara atas talian.

"Pihak UTHM juga turut merancang akan menggunakan dana ini untuk membeli mesin dialisis dengan kerjasama Maij sendiri untuk membantu mereka yang memerlukan," katanya.

Sementara itu, Mohamed Khaled memuji usaha UTHM mewujudkan dana wakaf pendidikan berkenaan.

Menurutnya, banyak contoh di luar negara yang mengamalkan wakaf dan infak bagi institusi pendidikan seperti di Universiti al-Azhar, Mesir; Universiti Oxford dan Cambridge di United Kingdom (UK) serta Universiti Harvard di Amerika Syarikat.

"Di negara Asia Barat semangnya menggunakan perkataan wakaf dan infak dalam mengumpul dana ini, tetapi di Eropah dan Amerika mereka menggunakan perkataan 'endowment fund' tetapi sebenarnya kaedahnya sama sahaja."

"Kita di kerajaan negeri juga turut mengamalkan sistem wakaf ini bagi membangun ekonomi dan kebajikan rakyat, termasuklah Tabung Waqaf Rakyat Johor yang dikelolakan Perbadanan Islam Johor (PIJ), serta beberapa wakaf lain yang diurus oleh Johor Corporation (JCorp)," katanya.